



28 MAY, 2024

## TNB, SPRM dan ST tandatangani laporan penambahbaikan pengurusan aset tenaga

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

# TNB, SPRM dan ST tandatangani laporan penambahbaikan pengurusan aset tenaga

**KUALA LUMPUR** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan kerjasama Suruhanjaya Tenaga (ST) serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menandatangani Laporan Penambahbaikan Tatakelola Penyelarasan dan Pengurusan Aset Tenaga Elektrik demi menjamin kestabilan bekalan kepada rakyat.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, penambahbaikan itu dilakukan dengan meningkatkan pengawasan kamera litar tertutup (CCTV) secara bersasar di kawasan dikenal pasti terutama di Pencawang Masuk Utama (PMU).

"TNB turut merancang membeli 5,000 unit *barrel lock* pada tahun 2024 menggunakan peruntukan Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) tempoh ketiga (RP3) dengan pemasangan dijadualkan pada 2025.

"Sistem biometrik tanpa kunci juga akan dipasang secara berpandu pada Pencawang Elektrik 11kV atau peti pembekal voltan rendah yang dikenal pasti berisiko tinggi, melibatkan 3,000 unit," katanya.

Beliau berkata demikian ketika majlis menandatangani Laporan Penambahbaikan Tatakelola Penyelarasan dan Pengurusan Aset Tenaga Elektrik di Dewan Leo Moggie TNB, di sini pada Isnin.

Majlis itu turut dihadiri Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dan Ketua Pegawai Eksekutif ST, Datuk Ir Ts Abdul Razib Dawood.

Tambah Megat Jalaluddin, ini bukan kali pertama TNB dengan sokongan ST, bekerjasama dengan



Dari kiri: Megat Jalaluddin, Azam dan Abdul Razib ketika majlis menandatangani Laporan Penambahbaikan Tatakelola Penyelarasan dan Pengurusan Aset Tenaga Elektrik pada Isnin.

pihak berkuasa khususnya SPRM, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak penguasa tempatan yang lain dalam membanteras perbuatan mengusik aset-aset strategik TNB oleh sindiket tertentu.

Sementara itu, Azam berkata, SPRM bersedia bekerjasama dengan TNB untuk mengesan kelemahan dan menambah baik sistem serta tatakelola pengurusan aset demi menutup peluang berlakunya rasuah.

"Langkah proaktif itu terbukti melalui operasi Ops Power yang berjaya membongkar kes kecurian elektrik oleh sindiket perlombongan bitcoin, menyebabkan kerugian besar kepada TNB dan negara," tambahnya.

Abdul Razib berkata, hasil operasi berkenaan, SPRM telah menjalankan sesi khidmat pemeriksaan dan perundingan ke atas TNB berkenaan perlakuan rasuah

dalam aktiviti curi elektrik terutamanya yang melibatkan sindiket bitcoin.

Daripada kajian itu, ujamnya, terdapat ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi mengukuhkan pertahanan aset-aset tenaga elektrik daripada mudah diceroboh.

"Hasilnya, SPRM telah menyediakan kertas cadangan penambahbaikan ke atas pertahanan aset-aset TNB melalui Khidmat Nasihat Tatakelola Penyelarasan dan Pengurusan Aset Tenaga Elektrik di Malaysia.

"Beberapa sesi perbincangan dan perundingan telah diadakan antara SPRM dan ST, termasuk bersama pihak TNB.

"Pihak SPRM telah selesai dengan Laporan Khidmat Nasihat ke atas TNB dan seterusnya ditandatangani pada pagi ini (Isnin)," ujamnya.